

Pembangkok boleh siarkan manifesto parti di televisyen

Utusan Online

07 Jun, 2012

KUALA LUMPUR 6 Jun - Parti-parti pembangkang berpeluang menyiarkan manifesto parti masing-masing di stesen-stesen televisyen tempatan termasuk RTM semasa tempoh berkempen Pilihan Raya Umum ke-13 akan datang.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, keputusan tersebut dicapai dalam satu mesyuarat jemaah menteri baru-baru ini dan ia juga diputuskan berikutan penubuhan jawatankuasa khas berhubung perkara itu di Dewan Rakyat.

"Apabila Dewan Rakyat dibubarkan atau mengikut lunas tempoh masa yang diberikan oleh SPR (Suruhanjaya Pilihan Raya) untuk berkempen, maka dalam masa berkempen itulah, hak bagi menyiarkan manifesto parti-parti politik diberi menerusi RTM dan badan-badan penyiaran lain.

"Tetapi had masanya dan syarat-syarat dikenakan oleh pihak berkuasa tidak perlu disebutkan di sini. Apa yang boleh dilunaskan sekarang ialah peluang itu diberikan kepada parti-parti politik untuk menyiarkan pandangan menerusi manifesto mereka dalam waktu yang dihadkan dalam siaran di negara kita," katanya semasa berucap merasmikan Wisma Berita RTM di Angkasapuri, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis tersebut adalah bekas Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin, Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Norhyati Ismail serta Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaaffar.

Menurut Rais, keputusan untuk membenarkan parti pembangkang menyiarkan manifesto parti di stesen televisyen tempatan dibuat selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Negara yang menghormati dan mengiktiraf hak kebebasan bersuara.

"Di England, (stesen televisyen) BBC memberi sekitar 10 hingga 15 minit untuk menyiarkan manifesto parti politik semasa pilihan raya dengan beberapa syarat dalaman yang diolah mereka.

"Di Singapura dan Thailand juga diberi peluang yang sama dengan syarat tertentu dan baru-baru ini, Myanmar juga memberi hak tersebut dalam amalan yang boleh diterima pelbagai pihak," katanya.

Katanya, kerajaan akan memperincikan syarat-syarat siaran tersebut dalam waktu terdekat ini mengikut konsep penyiaran negara di samping menerima dengan hati terbuka sebarang pandangan serta cadangan.

Sementara itu, Rais mengajak warga RTM untuk meningkatkan profesionalisme penyiaran selari dengan perkembangan teknologi semasa dan tuntutan tanggungjawab kepada negara.

Menurut beliau, Wisma Berita RTM yang menelan RM100 juta dan setinggi enam tingkat itu akan menjadi mercu tanda kejayaan penyiaran negara dalam mewujudkan infrastruktur dan prasarana yang lengkap serta canggih.

Wisma berkenaan yang menggunakan teknologi penyiaran digital terkini akan menjadi pusat penyampaian berita dan hal ehwal semasa di samping berfungsi sebagai pusat arkib serta pentadbiran untuk kakitangan RTM.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0607&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm